



## MAJLIS PERBANDARAN PASIR GUDANG

### JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa daripada Rakyat Negeri Johor Darul Ta'zim atau Warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk memohon jawatan di **Majlis Perbandaran Pasir Gudang**:

#### A. JAWATAN :

1. SKIM PERKHIDMATAN	: Pembantu Penilaian
GRED	: W19
TARAF JAWATAN	: Tetap
JUMLAH KEKOSONGAN	: 1
KLASIFIKASI	: Perkhidmatan Kewangan
KUMPULAN PERKHIDMATAN	: Pelaksana
JADUAL GAJI MINIMUM – MAKSIMUM (PP1/2016)	: RM1,353.00- RM4,005.00
KENAIKAN GAJI TAHUNAN	: RM100.00

#### SYARAT LANTIKAN:

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- a) Warganegara Malaysia;
- b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- c) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Kepujian dalam subjek Matematik pada peringkat peperiksaan tersebut.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred W19: RM1,353.00); atau
- d) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred W19: RM1,409.40); atau
- e) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred W19: RM1,465.80).
- f) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

2. SKIM PERKHIDMATAN	: Pembantu Awam
GREED	: H11
TARAF JAWATAN	: Tetap / Kontrak
JUMLAH KEKOSONGAN	: 1 (Satu) / 17 (Tujuh Belas)
KLASIFIKASI	: Kemahiran
KUMPULAN PERKHIDMATAN	: Pelaksana
JADUAL GAJI MINIMUM – MAKSIMUM (PP1/2016)	: RM1,218.00 - RM2,939.00
KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN	: RM80.00

**SYARAT LANTIKAN:**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- a) Warganegara Malaysia;
- b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
  - Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan. (Gaji permulaan ialah pada Gred H11: RM1,218.00).
  - **Syarat Tambahan:** Bagi tugas menyelamat, calon perlu memiliki Sijil Pertolongan Cemas serta berkebolehan berenang dan bagi tugas memandu enjin sangkut/motobot, calon perlu memiliki perakuan kekompetenan berkaitan daripada Jabatan Laut Malaysia). (Gaji permulaan ialah pada Gred H11: RM1,264.15).
- c) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**B. PEMBERIAN ELAUN DAN KEMUDAHAN :**

- i) Imbuan Tetap Perumahan
- ii) Imbuan Tetap Khidmat Awam
- iii) Bantuan Sara Hidup

**C. CARA MEMBUAT PERMOHONAN :**

- i) Permohonan hendaklah dibuat secara on-line di Laman Web Rasmi Majlis Perbandaran Pasir Gudang (MPPG) [www.mppg.gov.my](http://www.mppg.gov.my) dan setiap permohonan hendaklah disertakan salinan dokumen-dokumen berikut:
  - a) Sijil Kelahiran
  - b) Kad Pengenalan
  - c) Penilaian Menengah Rendah (PMR)/ Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3)
  - d) Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)
  - e) Sijil / Diploma / Ijazah / Sarjana Muda
- ii) Permohonan daripada calon yang sedang berkhidmat dengan **Kerajaan atau Badan Berkanun atau Pihak Berkuasa Tempatan** hendaklah dibuat melalui Ketua Jabatan dengan menyertakan salinan kenyataan perkhidmatan yang dikemaskini dan 3 laporan penilaian prestasi tahunan yang terakhir sepertimana mengikut peraturan 17 Bab A Tahun 2005 dibawah peraturan-peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat, dan penamatan Perkhidmatan).

**D. ALAMAT PERMOHONAN DAN TARIKH TUTUP**

**YANG DIPERTUA  
MAJLIS PERBANDARAN PASIR GUDANG  
ARAS 19, MENARA AQABAH  
81700 PASIR GUDANG  
JOHOR  
(U.P: BAHAGIAN SUMBER MANUSIA)  
SEBELUM ATAU PADA 17 OGOS 2017**

**E. CATATAN**

- i) Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja dipanggil temuduga.
- ii) Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 3 bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka **TIDAK BERJAYA**.
- iii) Segala perbelanjaan kerana menghadiri temuduga adalah tanggungjawab pemohon sendiri.
- iv) Segala salinan sijil – sijil dan dokumen sokongan hendaklah disahkan salinan oleh Ketua Kampung / Pengerusi Jawatankuasa Kampung / Guru Besar / Pengetua sekolah – sekolah atau bantuan penuh kerajaan dan Pegawai Kerajaan JUSA atau Kumpulan A Pengurusan dan Profesional.



**HASRIN KAMAL BIN HASHIM**  
Yang Dipertua  
Majlis Perbandaran Pasir Gudang